

SHUKOR KHOLIL

Liputan Agensi Berita Antarabangsa Tentang Dunia Islam yang Disiarkan dalam Akhbar Indonesia

Latar Belakang

Para pengamat pengaliran berita antarabangsa mengatakan bahawa sistem komunikasi dunia masa ini dikuasai oleh agensi berita antarabangsa dari negara-negara maju, terutama negara-negara Barat. Empat agensi berita antarabangsa yang paling besar, yakni Associated Press (AP), United Press International (UPI) dari Amerika Syarikat, Agence France Press (AFP) dari Prancis, dan Reuter dari Inggeris, tetap merupakan sumber utama berita antarabangsa bagi negara-negara Dunia Ketiga (Tatarian 1978).

Ternyata agensi-agensi berita antarabangsa itu telah bergerak di atas dasar motif ekonomi dan politik yang mengutamakan keperluan langganannya. Akibatnya mereka cenderung mencari dan menyebarkan berita-berita mengikut keinginan konsumen, yang pada umumnya dipandang lebih mengutamakan kepentingan Barat dan merugikan pihak Dunia Ketiga khususnya negara-negara Islam. Agensi-agensi berita antarabangsa besar secara sistematis telah mengarahkan pemberitaan kepada fenomena-fenomena yang bersifat negatif tentang dunia Islam, seperti kemiskinan, kelaparan, keganasan, bencana alam, pertikaian, perang, pembunuhan dan peristiwa-peristiwa negatif lainnya. Pada sisi lain, aktiviti pembangunan, kemajuan, kedamaian, toleransi dan hal-hal yang bersifat positif lainnya yang terjadi di Dunia Ketiga khususnya di negara-negara Islam sangat sedikit diberitakan (Tatarian, 1978).

Kritikan lain dikatakan bahawa agensi-agensi berita antarabangsa hanya memberitakan bahagian-bahagian tertentu dunia sahaja, dan mengesampingkan beberapa bahagian dunia lain yang dipandang tidak memberikan dukungan kepada kepentingan mereka (Galliner, 1978). Lebih jauh, syarikat-syarikat surat khabar yang berskala besar lebih cenderung untuk menggunakan berita-berita yang bersumber dari agensi berita antarabangsa tersebut berbanding berita-berita yang bersumber dari agensi berita nasionalnya yang mempunyai perkhidmatan berita antarabangsa. Akibatnya terjadi pemberitaan-pemberitaan yang tidak adil baik dari segi kuantiti (jumlah berita) maupun dari segi kandungan berita (Galtung, 1992).

Mengikuti Galtung (1992: 7), pengaliran maklumat di dunia cenderung tidak seimbang (imbalance). Kebanyakan maklumat mengalir di negara-negara Utara, lebih sedikit mengalir dari Utara ke Selatan, dan paling sedikit mengalir di antara negara-negara Selatan. Maklumat yang sedikit itu cenderung pula bersifat negatif. Karena itu, khalayak di Barat hanya sedikit mengetahui maklumat tentang Islam, dan maklumat yang bersifat itu cenderung pula negatif. Akibatnya, khalayak di Barat hanya mengetahui Islam sebagai agama yang menyukai keganasan, umat yang miskin, bodoh, lapar dan terbelakang.

Melihat keadaan yang demikian perlu dikaji bagaimanakah liputan agensi antarabangsa tentang Dunia Islam yang disiarkan dalam akhbar Indonesia.

Takrifan Istilah

Agensi berita antarabangsa dalam kajian ini ialah agensi berita yang mempunyai perkhidmatan berita internasional, seperti AP, UPI, AFP, Reuter dan lain-lain. Sumber berita tersebut biasanya dituliskan pada baris tanggal setiap berita. Sehingga mudah diketahui nama agensi berita yang meliput suatu berita yang disiarkan di surat khabar.

Dunia Islam termasuklah setiap berita yang berhubungkait dengan umat Islam; seperti aktiviti mereka setiap hari, peristiwa yang menimpa diri mereka, dan aspek-aspek lain yang berhubungkait dengan kehidupan agama, sosial, budaya, ekonomi, dan politik umat Islam.

Orientasi berita dalam kajian ini dibahagi kepada tiga jenis : (1) berorientasi positif, iaitu berita-berita tentang peristiwa yang memberi manfaat atau keuntungan bagi objek atau pihak yang diberitakan, (2) berorientasi negatif, iaitu berita-berita yang menimbulkan kerugian bagi objek atau pihak yang diberitakan, (3) netral, iaitu tidak memberikan keuntungan dan tidak pula memberikan kerugian kepada pihak yang diberitakan.

Kajian Susastera

Galtung (1992) menemukan bahawa berlaku pengaliran berita yang tidak seimbang antara negara-negara maju dengan negara-negara Dunia Ketiga, selalu menjadi objek pemberitaan yang tidak adil dari pers Barat. Ketidakadilan itu bukan sahaja dari segi kekerapan berita, tetapi juga dari segi kandungan berita.

Dari segi kekerapan berita, maklumat mengalir dari Barat ke Timur sebanyak 80%, manakala maklumat yang mengalir dari Timur ke Barat hanya sekitar 20%. Maklumat yang mengalir dari Barat ke Timur sebanyak 80% itu membolehkan Barat sangat dikenal di Dunia Timur khususnya di Dunia Islam, sehingga secara tidak sedar perkara-perkara yang bersumber dari Barat yang pada prinsipnya tidak sesuai dengan nilai-nilai ketimuran sudah bercampur baur dengan kehidupan bangsa-bangsa Timur termasuk umat Islam. Sedangkan maklumat yang mengalir dari Timur ke Barat hanya 20%, sehingga Timur kurang dikenal di Barat.

Dari segi kandungan beritapun tidak seimbang, Dunia Timur lebih banyak diberitakan secara negatif. Sehingga image khalayak tentang Dunia Islam cenderung negatif. Keadaan itu terjadi karena ketidakmampuan khalayak pembaca untuk meliput sendiri peristiwa yang sebenar.

Di samping itu, Tatarian (1978) juga menemukan bahawa agensi-agensi berita antarabangsa telah bergerak di atas dasar motif ekonomi dan politik. Sehingga mereka cenderung mengorbankan kepentingan negara-negara Dunia Ketiga demi mengejar keuntungan dan kepentingan mereka. Agensi-agensi berita antarabangsa secara sistematis telah mengarahkan pemberitaan kepada fenomena-fenomena yang negatif tentang Islam. Sedangkan berita tentang kemajuan jarang sekali disiarkan. Sehingga para pengamat menyimpulkan bahawa

telah terjadi pemberitaan yang tidak adil tentang Dunia Dalam, sama ada dari segi jumlah maupun kandungan berita.

Dasar dari negara-negara barat untuk berbuat ketidakadilan itu adalah ayat 19 'Universal Declaration of Human Right' yang mengatakan bahawa setiap orang mempunyai kebebasan untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat atau idea melalui media tanpa ada hambaran. Pernyataan ini menjadi dasar bagi Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya untuk memperjuangkan 'News free flow' (pengaliran bebas berita').

Meskipun konsep 'News free flow' ini banyak mendapat kritikan internasional terutama dari negara-negara Dunia Ketiga, namun kenyataannya tetap berjalan. Makna 'kebebasan bersuara' itu sendiri masih kontraversial antara negara-negara maju dan negara-negara berkembang. Menurut perspektif Barat, kebebasan bersuara itu maknanya adalah bahawa setiap orang bebas mengeluarkan pendapat baik secara lisan maupun tulisan tanpa ada hambatan dan tanpa ada pertimbangan pada nilai-nilai yang berlaku di negara-negara lain. Sedangkan mengikut Dunia Ketiga, kebebasan bersuara itu dibarengi dengan tanggungjawab serta dihad oleh nilai-nilai yang berlaku dalam mesyarakat, bangsa dan negara.

Negara-negara maju menganggap bahawa keikutsertaan pihak kerajaan di negara-negara berkembang untuk mengontrol berita, menimbulkan bahaya bagi kebebasan bersuara. Karena kerajaan cenderung bersifat 'Check and balance' dalam meliput dan menyiarkan berita.

Barat menganggap bahawa secara politis, kebijaksanaan yang dilakukan oleh negara-negara berkembang, lebih banyak menguntungkan ideologi negara-negara komunis sosialis. Karena itu mengikut mereka lebih buruk daripada kebebasan bersuara yang diinginkan pihak Barat. Di samping itu mengikut anggapan pihak Barat, kebanyakan berita dari negara-negara berkembang adalah berita rasmi kerajaan yang berbau propaganda. Kerena itu, Amerika Syarikat memperjuangkan suatu pers yang independen dalam pertemuan regional Unesco di San Jose Costa Rica (Giffard Ca, 1989:x11).

Namun nampaknya kebebasan bersuara itu belum merata, dan hanya wujud di negara-negara maju sahaja. Sedangkan negara-negara berkembang khususnya Dunia Islam, lebih banyak menerima efek negatif dari kebebasab

bersuara pihak Barat. Sehingga Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohammad, dalam pidatonya di 'Trinity College Oxford' pada 19 April 1995 telah mempertanyakan kenapa Dunia Ketiga sentiasa diadili sepanjang masa mengikut penilaian Barat yang selalu merasakan diri mereka pada pihak yang benar (Maidin, 1994: 228).

Pada hakikatnya kebebasan media massa tidak wujud di mana-mana, baik di negara-negara liberal demokrat maupun di negara-negara diktator. Di negara-negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang-orang tertentu yang berkuasa. Jadi bukan hanya kerajaan yang dapat mengendalikan berita-berita media massa, akan tetapi pemilik, pengarah, pengarang, penanam modal juga dapat mengendalikan media massa (Mort Rosen Blum, 1993).

Kaedah Kajian

Kajian ini menganalisis kandungan limat akhbar harian nasional iaitu The Jakarta Post, Republika, Kompas, Waspada dan Analisa antara September hingga November, 1999. Sebanyak 120 naskah akhbar telah dikaji iaitu sebanyak 24 naskah bagi setiap sampel akhbar. Teknik pengambilan sampel dilakukan secara sistematis dengan memperhatikan penganggalan Masehi pada kelipatan lima, iaitu akhbar yang terbit tanggal 5, 10, 15, 20, 25 dan 30.

Hasil Kajian

Jumlah berita tentang Dunia Islam dalam akhbar Indonesia

Berita tentang dunia Islam yang diliputi oleh agensi-agensi berita antarabangsa yang disiarkan dalam akhbar The Jakarta Post, Republika, Kompas, Waspada dan Analisa selama kajian berlangsung adalah 82 berita. Surat khabar yang paling banyak memuat berita tentang dunia Islam ialah The Jakarta Post (24 berita), manakala Kompas tidak menyiarkan satu beritapun tentang dunia Islam.

JADUAL 1.
Kekerapan
berita tentang
Dunia Islam
dalam akhbar
Indonesia

No	Nama akhbar	F	%
1	The Jakarta Post	24	29.26
2	Republika	18	21.95
3	Kompas	0	00.00
4	Waspada	20	24.39
5	Analisa	20	24.39
Jumlah		81	100

Pada umumnya, berita-berita tentang dunia Islam yang disiarkan dalam akhbar tersebut hampir sama. Misalnya berita tentang pemberontakan gerilyawan di Chechnya yang diberitakan The Jakarta Post, juga diberitakan oleh Republika, Waspada dan Analisa dengan ayat-ayat yang hampir sama. Hanya sebahagian kecil berita tentang dunia Islam yang tidak disiarkan secara bersama-sama.

Agensi berita antarabangsa yang dijadikan sebagai sumber berita.

Ada tujuh agensi berita yang dijadikan sebagai sumber berita tentang dunia Islam oleh akhbar Indonesia, iaitu Associated Press (AP), United Press International (UPI) dari Amerika Syarikat, Agence France Press (AFP) dari Francis, Reuter (RTR) dari Inggeris, International Islamic News Agencies (IINA) dari Saudi Arabia, DPA dari Jerman dan kantor berita Antara dari Indonesia.

Sebanyak 48 (58.53%) berita tentang dunia Islam diliputi oleh masing-masing agensi berita tersebut secara sendirian, dan 34 (41.47%) berita lainnya diliputi oleh beberapa agensi berita secara bersama-sama.

Agensi berita yang paling banyak dijadikan sebagai sumber berita tentang dunia Islam ialah AFP, iaitu 22 (26.82%) berita, disusul Reuter 14 (17.07%) berita, kemudian liputan agensi Antara dan Reuter 10 (12.19%) berita, dan liputan Antara dan AFP juga 10 (12.19%) berita. Agensi berita yang paling sedikit dijadikan sebagai sumber berita ialah Associated Press dan IINA masing-masing hanya 4 (4.87%) berita.

No.	Nama Agensi Berita	F	%
1.	AP	4	4.87
2.	AFP	22	26.82
3.	Reuter	14	17.07
4.	Antara	8	9.75
5.	Ap, Antara, AFP &DPA	4	4.87
6.	Antara, RTR, AFP, DPA	2	2.43
7.	Antara dan RTR	10	12.19
8.	AP dan Antara	2	2.43
9.	AFP dan Antara	10	12.19
10.	AP, Antara dan RTR	2	2.43
11.	IINA	4	4.87
12.	UPI	0	0.00
	Jumlah	82	100.0

JADUAL 2.
Agensi
sumber berita
tentang dunia
Islam

Jumlah Kolom

Jumlah kolom berita tentang dunia Islam yang disiarkan dalam akhbar Indonesia pada umumnya adalah 1-3 kolom, iaitu sebanyak 54 (65.85%) berita, hanya dua (2.43%) berita sahaja yang panjangnya lebih dari lima kolom, iaitu yang dimuat di harian Republika.

Surat khabar 'The Jakarta Post' paling banyak menyiarkan berita tentang Islam yang panjangnya 1-3 kolom. Dari 24 berita tentang Islam yang disiarkan oleh 'The Jakarta Post', 20 (83.3%) berita di antaranya mempunyai panjang 1-3 kolom, hanya tajuk (4.87%) sahaja yang mempunyai panjang 4-5 kolom.

JADUAL 3.
Jumlah kolom
berita tentang
dunia Islam

No. Nama akhbar	Jumlah Kolom			Jumlah
	1-3	4-5	> 5	
1. The Jakarta Post	20 (24.3%)	4 (4.87%)	0 (0.0%)	24 (29.2%)
2. Republika	12 (14.6%)	4 (4.87%)	2 (2.43%)	18 (21.9%)
3. Kompas	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
4. Waspada	10 (12.1%)	10 (12.1%)	0 (0.0%)	20 (24.3%)
5. Analisa	12 (14.6%)	18 (9.7%)	0 (0.0%)	20 (24.3%)
Total	54 (65.8%)	26 (31.7%)	2 (2.5%)	82 (100%)

Letak Berita

Berita tentang dunia Islam jarang sekali dimuat pada halaman satu. Berasaskan 82 berita yang dianalisis, hanya satu tajuk (1.22%) berita sahaja yang dimuat pada halaman satu, iaitu bertajuk 'Umat Islam hati-hati dengan pamaruan' yang dimuat di Harian Waspada pada tanggal 16 Oktober 1999. Sedangkan berita lainnya dimuat pada halaman khusus untuk berita-berita internasional.

Walau bagaimanapun, berita-berita tentang dunia Islam yang tidak dimuat pada halaman satu, bukan berarti tidak penting. Banyak berita tentang dunia Islam yang menempati posisi 'head line' (kepala berita) pada kolom-kolom berita internasional. Keadaan ini menjadi salah satu bukti bahawa pihak media massa memandang berita-berita tentang dunia Islam yang dipublikasikan termasuk berita penting.

Sifat Berita

Sifat berita tentang dunia Islam yang diliputi oleh agensi-agensi berita antarabangsa yang disiarkan di surat khabar Indonesia, sebahagian termasuk berita penting sehingga

menempati kolom 'headline' (kepala berita), dan sebahagian lagi tergolong berita bersifat biasa.

Berita yang berhasil menempati posisi 'headline' berjumlah 30 tajuk (36.6%) berita, dan yang termasuk berita yang bersifat biasa sahaja berjumlah 52 tajuk (63.4%) berita. Berita yang bersifat 'headline' ini ditempatkan pada bahagian atas halaman akhbar.

Akhbar yang paling banyak menempatkan berita tentang dunia Islam pada kolom 'headline' ialah The Jakarta Post. Dari 24 berita tentang dunia Islam yang disiarkan The Jakarta Post, 10 (41.6%) di antaranya dimuat pada 'headline', dan 14 (58.4%) lainnya pada kolom berita biasa.

Sedangkan akhbar paling sedikit menempatkan berita tentang dunia Islam pada kolom 'headline' ialah Republika. Dari 18 berita yang dimuat, hanya 4 (22.2%) berita yang ditempatkan pada kolom 'headline', dan 14 (87.8%) berita lainnya ditempatkan pada kolom berita biasa.

No. Nama akhbar	Sifat Berita		Jumlah
	Headline	Biasa	
1. The Jakarta Post	10 (41.6%)	14 (58.4%)	24 (100%)
2. Republika	4 (22.2%)	14 (87.8%)	18 (100%)
3. Kompas	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
4. Waspada	8 (40.0%)	12 (60.0%)	20 (100%)
5. Analisa	8 (40.0%)	12 (60.0%)	20 (100%)

JADUAL 4.
Sifat berita
tentang Dunia
Islam

Negara Asal Berita

Negara asal berita tentang dunia Islam ada 10 negara, iaitu Chechnya/Rusia, Pakistan, Indonesia, Malaysia, Saudi Arabia, Palestina, Iran, Afghanistan, Turki dan Francis.

Negara asal berita yang paling banyak adalah Chechnya 30 (36.6%) berita, kedua ialah Pakistan 10 (12.2%) berita. Kemudian diikuti oleh Saudi Arabia dan Afghanistan, masing-masing 8 (9.8%) berita. Berita yang bersumber dari Malaysia ada dua (4.9%), yaitu : PAS usahakan UU larangan penyebaran agama lain di Malaysia (Waspada), Malaysia batalkan pencantuman agama pada kartu identitas (Waspada).

JADUAL 5.
Negara asal
berita

No.	Nama Negara	F	%
1.	Chechnya/Rusia	30	36.6
2.	Pakistan	10	12.2
3.	Indonesia	8	9.8
4.	Malaysia	2	4.9
5.	Saudi Arabia	8	9.8
6.	Palestins	4	4.9
7.	Iran	6	7.3
8.	Afghanistan	8	9.8
9.	Turki	2	2.4
10.	Francis	4	4.9
Jumlah		82	

Kategori Berita

Ada 11 kategori berita yang didapati dalam kajian iaitu : peperangan/pemberontakan, kudeta pihak militer, pembebasan narapidana, pencalonan presiden, reformasi politik, perundingan antara dua negara, himbuan kepada masyarakat, pengadilan, mengungsi akibat perang, pembunuhan, dan kematian.

Kategori yang paling banyak ditemukan dalam penelitian ialah peperangan/pemberontakan 30 (36.6%) berita. Seperti peperangan/ pemberontakan gerilyawan muslim di Chechnya, penyerangan tentera Rusia terhadap gerilyawan muslim dan para pengungsi di perbatasan Rusia, operasi pembersihan tentera Rusia terhadap 40 buah desa di Chechnya, pertempuran sengit di Afghanistan antara kelompok milisi Islam Taliban dengan pihak opsisi yang berpangkalan di Afghanistan Utara, dan sebagainya.

Kategori kedua terbanyak adalah tentang perundingan antara dua negara, iaitu sebanyak 12 (14.6%) berita. Seperti perundingan perdamaian antara Palestina dan Israel atau

Yahudi, penolakan Iran terhadap tawaran dialog dengan Amerika Syarikat, kunjungan Presiden Iran Muhammad Khatami di Paris untuk memperbaiki hubungan yang memburuk sejak revolusi Islam Iran pada tahun 1979, dan sebagainya.

No. Kategori Berita	F	%
1. Peperangan/ pemberontakan	30	36.6
2. Kudeta oleh pihak militer	4	4.9
3. Pembebasan narapidana	4	4.9
4. Pencalonan presiden	4	4.9
5. Reformasi politik	8	9.8
6. Perundingan	12	14.6
7. Himbauan kepada umat Islam	6	7.3
8. Pengadilan	4	4.9
9. Mengungsi akibat perang	4	4.9
10. Pembunuhan	4	4.9
11. Kematian	2	2.4
Jumlah	82	

JADUAL 6.
Kategori
berita tentang
Dunia Islam

Kategori terbanyak ketiga berhubungkait dengan reformasi politik, iaitu 8 (9.8%) berita. Seperti berita tentang desakan umat Islam di Indonesia agar kerajaan menindak tegas aksi anarkis yang marak terjadi akhir-akhir ini di Indonesia, pembatalan pencantuman agama dalam kartu identitas bagi warga negara Malaysia oleh kerajaan Malaysia, dan adanya usaha Partai Umat Islam Se-Malaysia (PAS) untuk melarang penyebaran agama lain di Malaysia, dan sebagainya.

Orientasi berita

Berasaskan hasil analisis kandungan yang dilakukan terhadap 82 berita tentang dunia Islam, maka sebanyak 12.2% berita berorientasi positif, 73.2% berorientasi negatif, dan 14.6% lainnya berorientasi neutral.

Negara asal berita yang berorientasi negatif paling banyak adalah Chechnya/Rusia (100% berorientasi negatif), berita yang berasal dari Pakistan juga 100% berorientasi negatif. Kemudian dari Iran dan Turki masing-masing 100% berorientasi negatif.

Berita-berita yang berorientasi negatif adalah seperti peperangan di Chechnya, kudeta di Pakistan, peperangan di Afghanistan, pembunuhan di Arab Saudi, penolakan dialog oleh Iran yang ditawarkan oleh Amerika Syarikat dan Sebagainya.

Sedangkan berita yang berorientasi positif paling banyak berasal dari Palestin (100% berorientasi positif), kemudian dari Indonesia (66.7% berorientasi positif) dan dari Afghanistan (25% berorientasi positif).

Berita-berita yang berorientasi positif adalah seperti pembebasan narapidana warga negara Palestin yang dilakukan oleh Israel, perundingan dalam rangka perdamaian yang dilakukan oleh dua negara atau lebih, kunjungan persahabatan yang dilakukan oleh Iran ke Francis dan himbauan terhadap umat Islam agar berhati-hati terhadap bahaya pembaruan.

Kesimpulan dan Perbincangan

Berasaskan hasil kajian, maka jelaslah bahawa agensi berita antarabangsa yang paling banyak meliputi peristiwa-peristiwa penting yang terjadi di dunia Islam ialah Agence France Presse (AFP) dari Francis, Reuter (RTR) dari Inggeris, Associated Press (AP) dari Amerika Syarikat, dan Antara untuk liputan berita nasional Indonesia.

Sedangkan agensi berita internasional milik dunia Islam, iaitu Internasional Islamic News Agencies (IINA) nampaknya masih kurang mampu bersaing dengan agensi-agensi berita internasional lain, sekalipun dalam meliputi peristiwa-peristiwa penting yang terjadi di dunia Islam sendiri. Ketidak mampuan IINA bersaing dengan agensi-agensi berita internasional dari negara-negara Barat, bukan hanya dari segi jumlah berita yang berhasil diliput setiap hari, tetapi juga dari segi kualiti berita yang diliputnya. Akibatnya banyak syarikat akhbar dan perusahaan-perusahaan media massa lainnya di dunia Islam, enggan berlangganan secara tetap dengan IINA dalam rangka pemenuhan keperluan berita internasionalnya. Akibatnya, agensi-agensi berita internasional dari negara-negara tetap menjadi sumber utama berita internasional bagi syarikat-syarikat akhbar dan media massa lainnya di negara-negara Islam.

Pada sisi lain terbukti bahawa agensi-agensi berita internasional tersebut telah bergerak di atas dasar ekonomi

tanpa mengindahkan nilai-nilai yang berlaku di negara-negara Islam. Di samping itu ternyata bahawa agensi-agensi berita internasional tersebut lebih banyak memberitakan peristiwa-peristiwa negatif yang terjadi di dunia Islam. Seperti peperangan, kudeta, tidak mau berdamai, pengadilan yang kejam (hukuman mati), kelaparan, pengungsian, pembunuhan, kematian, dan peristiwa-peristiwa negatif lainnya.

Hal itu terbukti bahwa dari 82 berita tentang dunia Islam yang diliputi oleh agensi-agensi berita internasional yang disiarkan dalam akhbar Indonesia, sebanyak 36.5% adalah berita tentang peperangan, 9.75% berita tentang penolakan untuk berdamai, 4.8% berita tentang kudeta, 4.8% hukuman mati, 4.8% tentang pembunuhan, 4.8% berita tentang pengungsian akibat keadaan yang kacau-bilau, 2.4% berita tentang kematian, dan peristiwa-peristiwa negatif lainnya sebanyak 4.8%.

Dengan demikian, apabila seluruh jumlah berita yang diliputi oleh agensi-agensi berita internasional tersebut diklasifikasikan berdasarkan orientasi berita, maka hasil yang ditemukan ialah sebanyak 73.2% berita berorientasi negatif, 14.6% berorientasi neutral, dan hanya 12.2% yang berorientasi positif, itupun sudah termasuk 4.8% berita yang berorientasi positif yang diliput oleh IINA, dan 4.8% berita yang diliput oleh Antara yang berorientasi positif.

Oleh sebab itu, apabila diperhatikan secara teliti, maka berita-berita yang berorientasi positif yang murni berasal dari agensi-agensi berita Barat tersebut hanya 2.6% sahaja, selebihnya berorientasi negatif. Sedangkan berita-berita tentang pembangunan, kemajuan, kedamaian dan keberhasilan-keberhasilan lainnya, tidak diberitakan.

Keadaan yang sangat menarik, bahawa berita yang diliput oleh IINA, 100% adalah erorientasi positif, iaitu berupa himbuan kepada umat Islam agar senantiasa berhati-hati dan waspada. Di samping itu, berita yang diliput oleh Antara (secara mandiri, tanpa kerjasama dengan kantor berita lain), 50% adalah berorientasi positif, dan 50% pula neutral.

Dengan demikian, berita-berita tentang dunia Islam yang diliputi secara mandiri oleh kantor berita IINA dan Antara, tidak satupun yang menggambarkan keadaan yang negatif di dunia Islam. Berita-beritanya lebih mengarah kepada pembinaan umat Islam.

Ketidakadilan lain yang ditemukan adalah bahwa agensi-agensi berita internasional Barat lebih banyak meliput peristiwa-peristiwa yang terjadi di negara-negara Islam atau negara-negara mayoritas berpenduduk Islam yang sedang kacau. Sedangkan negara-negara Islam atau negara-negara berpenduduk mayoritas Islam yang dalam keadaan aman dan pembangunan maju pesat, tidak mendapat perhatian.

Keadaan itu terbukti bahwa sebanyak 36.65 berita tentang dunia Islam yang diliputi oleh agensi-agensi berita internasional, berasal dari negara Chechnya yang sedang kacau-bilau akibat perang; 12.2% berasal dari Pakistan yang juga dalam keadaan kacau akibat kudeta yang dilakukan oleh pihak militer; 9.8% berasal dari Afghanistan yang dilanda perang saudara; 9.8% berasal dari Saudi Arabia karena ada keputusan pengadilan yang menjatuhkan hukuman mati kepada salah seorang warga Filipina yang membunuh seorang driver taxi.

Sedangkan agensi berita IINA dan Antara, secara sendirian tidak ada meliput peristiwa-peristiwa perang dan kekacauan lainnya yang terjadi di dunia Islam. Oleh itu, adanya perbezaan kecenderungan pemberitaan di antara agensi-agensi berita internasional milik Barat dan agensi internasional milik dunia Islam.

Nampaknya sifat ketergantungan akhbar Indonesia terhadap agensi-agensi berita internasional khususnya milik negara-negara Barat masih sangat tinggi. Terbukti bahwa 100% berita internasional yang disiarkan akhbar Indonesia bersumber dari agensi-agensi berita internasional, bukan dari hasil liputan akhbar bersangkutan.

Dari 82 berita internasional tentang dunia Islam ditemukan dan dianalisis, hanya 4.8% yang diliputi secara sendirian oleh IINA dan 9.8% pula diliput secara sendirian oleh Antara. Maknanya sebanyak 85.3% lagi diliput oleh agensi-agensi berita internasional yang berasal dari Barat.

Ketidakmampuan akhbar Indonesia meliput sendiri peristiwa-peristiwa yang terjadi di negara-negara Islam, menyebabkan mereka terpaksa menerima apa yang diberitakan oleh agensi-agensi berita negara-negara Barat. Seperti diketahui bahwa agensi-agensi berita Barat lebih banyak memberitakan perkara-perkara negatif yang terjadi di dunia Islam (Galtung 1992), sehingga akhbar Indonesia-pun lebih banyak memberitakan peristiwa-peristiwa negatif yang

terjadi di dunia Islam, sesuai dengan apa yang mereka terima dari agensi-agensi berita Barat.

Kenyataannya, akhbar Indonesia menjadikan berita-berita negatif tadi sebagai 'headline' (berita utama) sebanyak 36.6% dan sebanyak 34.1% beritanya mempunyai panjang lebih dari 4 kolom. Keadaan ini mengikut teori 'agenda setting' dapat membentuk imej pembaca bahawa di negara-negara Islam selalu rusuh, tidak pernah aman, dan cenderung menyukai keganasan.

Memang tidak dapat diingkari bahawa di balik pemberitaan-pemberitaan negatif itu, ada sedikit manfaat yang diperoleh, iaitu dengan memberitakan secara luas keadaan yang sebenar, dapat mengungkapkan fakta siapa sebenarnya yang bersalah dalam suatu pertikaian, atau adanya golongan-golongan tertentu yang sangat memerlukan bantuan. Tetapi sering berita-berita tersebut sengaja dipilih yang kira-kira dapat mendukung kepada kepentingan agensi-agensi berita yang meliputnya. Dengan demikian tidak semata-mata murni untuk membela kepentingan objek yang diberitakan.

Shukor Kholil (SSa. UKM) kini sedang mengikuti program ijazah kedoktoran di Jabatan Komunikasi, UKM. Beliau adalah tenaga akademik dari Institut Agama Islam Negeri, Sumatra Utara, Medan.

Penulis

- Anthony, C.G. 1989. *Unesco and the Media*. London : Longman.
- Ishadi, SK. 1999. *Dunia Penyiaran Prospek dan Tentangnya*. Jakarta : PT.
- . 1999. *Prospek Bisnis Informasi di Indonesia*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar
- Galtung, J. &Richard, C.V. 1992. *Global Glasnost*. USA : Hampton Press, Inc.
- Gates, Bill. 1995. 'Sex, Lies in the Internet'. *The Star*, Tuesday October 3.
- Giffard, CA. 1989. *Unesco and The Media*. New York : Longman. INC.
- Maidin, Zainuddin. 1994. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributions, Sdn. Bhd.
- Oliver, B. 1980. *The International News Agencies*. London : Sage Publication.
- Rachmadi, F. 1988. *Informasi dan Komunikasi Dalam Percaturan International*. Bandung : Alumni.
- Safar Hasim. 1991. *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan pustaka.

Rujukan

Samsuddin. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tatarian, R. 1978. *News Flow in the Third World : An Overview*. Dalam Philip, C.H (ED). *The Third World and Press Freedom*. New York : Praeger Publisher.